

**NO. SOALAN : 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN  
HAJI AHMAD [ MERSING ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan artifak kapal tamadun Sungai Kuno di kawasan Tapak Arkeologi Sungai Batu terpelihara memandangkan kapal tersebut masih belum diangkat dan diancam kerosakan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2009 sehingga kini sebanyak 47 kawasan telah berjaya diekskavasi di Tapak Penyelidikan Arkeologi Sungai Batu. Hasil ekskavasi arkeologi yang dijalankan telah membuktikan kewujudan sebuah tamadun tertua di Malaysia setakat ini yang wujud berkemungkinan sejak awal abad Masihi lagi. Pelbagai bukti fizikal yang diketemukan hasil penyelidikan arkeologi tersebut telah dapat merungkai kepentingan tapak berkenaan bukan sahaja dalam aspek kepercayaan malah menemukan bukti penting dalam aspek pentadbiran dan teknologi pembuatan besi.

Melalui kajian paleoalam di Tapak Penyelidikan Arkeologi Sungai Batu terdapat bukti yang berkaitan dengan kewujudan sungai purba dan pelabuhan. Manakala kajian geofizik yang dijalankan menunjukkan pengimejan objek di bawah tanah yang boleh dibuat pelbagai tafsiran termasuk kemungkinan wujudnya artifak kapal suatu masa dahulu. Namun masih belum ada bukti fizikal bagi kesahihan penemuan tersebut.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara sangat komited dan masih meneruskan usaha penyelidikan arkeologi di Sungai Batu. Namun, keutamaan ekskavasi arkeologi dan penemuannya perlu dilaksanakan berdasarkan penilaian empirikal agar tidak memusnahkan bukti penting yang menjelaskan fakta sebenar tapak kajian.

Sekian, terima kasih.